



PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA

EDISI 01/2021  
April 2021

## **1.0 PENGENALAN**

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memberi kelulusan kepada permohonan Permit bangunan sementara sama ada bagi projek baru perumahan atau kilang dan juga bagi projek tambahan bangunan sedia ada.

## **2.0 PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN**

2.1 Garis panduan permohonan permit bangunan sementara ini berdasarkan kepadasekysen 19, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

## **3.0 OBJEKTIF GARIS PANDUAN**

3.1 Objektif garis panduan ini di adakan adalah untuk memudahkan dan memahamkan pelanggan tentang kaedah untuk membuat permohonan permit bangunan sementara di dalam Kawasan pentadbiran PBT TPHTK.

## **4.0 MAKLUMAT JABATAN UNTUK DIHUBUNGI**

4.1 Pemohon boleh menghubungi Pusat Unit Setempat (OSC) di Bahagian Teknikal Lot 7, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Telefon 04-4032266- sambungan 109, pada waktu pejabat seperti berikut:-

AHAD – RABU dari Jam 8.00 pagi sehingga 1.00 petang  
2.00 petang sehingga 5.00 petang

KHAMIS dari Jam 8.00 pagi sehingga 1.00 petang  
2.00 petang sehingga 3.30 petang

CUTI – JUMAAT dan SABTU termasuk cuti umum.

## **5.0 SYARAT ASAS PERMOHONAN**

5.1 Pemohon hendaklah mengemukakan pelan lakar iaitu pelan terperinci bangunan, peta lokasi, kegunaan bangunan, saiz dan bilangan unit bangunan. Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelan yang dikemukakannya.

5.2 Permohonan boleh dibuat oleh pemilik premis atau pelukis pelan berdaftar atau arkitek yang diiktiraf sahaja.

5.3 Permohonan hendaklah di tandatangani oleh pemilik bangunan dan juga orang yang mengemukakan pelan (PSP).

5.4 Pemilik atau pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kestabilan dan kukuhan semua struktur yang dibina. Pihak PBT TPHTK tidak

bertanggungjawab ke atas segala tuntutan, dakwaan atau sebarang tindakan undang-undang yang bersabit dengan kegagalan bangunan tersebut.

**5.5** Permit yang dikeluarkan adalah sah untuk tempoh tahun semasa sahaja atau sebahagian daripadanya berakhir 31 Disember setiap tahun. Pemilik hendaklah mengemukakan permohonan baharu bagi tahun yang berikutnya.

## **6.0 BILA PERLU DIPOHON**

**6.1** Permohonan ini hendaklah di buat sebelum kerja-kerja pemasangan atau binaan sementara dilaksanakan oleh pemilik bangunan.

## **7.0 KAEDAH PERMOHONAN**

**7.1** Semua permohonan baharu hendaklah dibuat secara manual di kaunter OSC PBT TPHTK pada waktu pejabat. Permohonan mestilah dibuat oleh pemohon sendiri atau melalui pelukis pelan berdaftar atau arkitek yang diiktiraf dan permit akan dikeluarkan oleh Unit Pelesenan PBT TPHTK.

## **8.0 PIAGAM PELANGGAN**

**8.1** Permohonan lengkap akan diproses dan dikeluarkan kelulusan dalam masa lima hari bekerja.

## **9.0 DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN**

**9.1** Surat permohonan rasmi daripada pemohon atau pelukis pelan yang berdaftar atau arkitek yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

**9.2** Dua (2) salinan pelan yang lengkap mengandungi perkara berikut:-

- a. pelan lokasi, pelan tapak dan nombor lot.
- b. pelan lantai, pandangan hadapan, tepi dan belakang serta lukisan keratan.
- c. pelan butiran jalan masuk (entrance).
- d. pelan hendaklah dalam saiz A1 atau A3 dilipat ke saiz A4.
- e. 2 salinan pelan struktur tetulang (RC) dan kiraan rekabentuk untuk bangunan 2 tingkat yang telah disahkan oleh Jurutera Perunding Bertauliah.

**9.3** Semua ukuran hendaklah dalam sistem metrik.

**9.4** Semua pelan yang dikemukakan hendaklah ditandatangani oleh pemohon atau orang yang berkelayakan dan pemilik bangunan serta dengan alamat penuh pemilik.

**9.5** Kiraan dan bayaran yuran permohonan

## 10.0 BAYARAN YANG DIKENAKAN

10.1 Bayaran fee bangunan sementara adalah mengikut Jadual Pertama Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2019 bagi Negeri Kedah Darul Aman adalah seperti berikut:-

1.	Jenis-jenis Bangunan	Fee yang dikenakan
a.	Bangsai untuk pertunjukan	RM 100.00 sehari
b.	Tempat sembahyang	RM 40.00 sehari
c.	Mendepositkan bahan-bahan binaan atas jalan	RM 36.00 bagi satu meter persegi sebulan
d.	Bangsai kerja bagi pembina, stor atau bangsai-bangsai lain	RM 200.00 seunit bagi enam bulan atau RM400.00 setahun
e.	Pelantar kerja, kerja kerangka, platform atau struktur sementara	RM 100.00 sebulan atau sebahagian daripadanya
f.	Papan dendeng (hoarding) atas jalan atau Lorong jalan kaki	RM 6.00 semeter Panjang bagi sebulan
g.	Mana-mana bangunan yang baginya suatu permit sementara telah dikeluarkan ke atas bangunan yang diluluskan atas asas sementara	RM 10.00 bagi 9 meter persegi setahun dan caj minima RM 100.00 bagi satu permit.
2.	<b>Deposit bangunan sementara</b>	<b>50% daripada fee yang dikenakan</b>

## 10.2 KAEDAH BAYARAN


- a. Bayaran boleh dibuat dengan kaedah 'online transfer' atau wang tunai atau cek bank tempatan di kaunter bayaran Bahagian Kewangan PBT TPHTK mulai jam 8.30 pagi sehingga 4.00 petang hari Ahad sehingga Rabu dan dari jam 8.30 pagi sehingga 2.30 petang pada hari Khamis.
- b. Bayaran secara 'online transfer' terus ke akaun no. 02057010017005 Bank Islam (M) Sdn. Bhd. atas nama PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM. Sila masukkan maklumat bayaran di ruangan rujukan bayaran.

## 11.0 CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN DAN KELULUSAN



**PIHAK BERKUASA TEMPATAN  
TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM**  
Lot 01-02 Administrative Centre, Kulim Hi-Tech Park,  
09000 Kulim, Kedah Darul Aman  
No Tel: 04-403 2266 No Fax: 04-403 2277  
Web: www.pbttphk.gov.my

### CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA



## **12.0 PENGELUARAN SURAT KELULUSAN DAN TEMPOH KELULUSAN**

- 12.1** Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Unit Lesen PBT TPHTK dalam masa tiga hari dari terima ulasan daripada Bahagian Teknikal PBT TPHTK.
- 12.2** Tempoh permit adalah selama 12 bulan ( 1 tahun ) dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.
- 12.3** Jika bangunan sementara masih diperlukan maka, pemohon boleh memperbaharui permit tersebut dengan mengemukakan surat permohonan lanjutan kebenaran sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tamat tempoh permit disertakan bayaran yuran seperti fee asal tidak termasuk deposit. Permohonan hendaklah dibuat terus ke Unit Lesen PBT TPHTK.

## **13.0 PEMATUHAN KEPADA SYARAT-SYARAT KELULUSAN PERMIT**

- 13.1** Pemohon dikehendaki mempamerkan sijil permit bangunan sementara di tempat yang mudah untuk diperiksa oleh anggota Unit Penguatkuasa PBT TPHTK semasa pemeriksaan.
- 13.2** Pemohon dikehendaki menyelenggara bangunan sementara supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat untuk digunakan.
- 13.3** Syarat-syarat yang dikeluarkan beserta surat kelulusan adalah wajib dipatuhi sepanjang tempoh yang diberi selama satu tahun.
- 13.4** Sila pastikan setiap tambahan kepada bangunan sementara mestilah dirujuk ke Unit Pusat Setempat (OSC) PBT TPHTK. Surat amaran atau peringatan akan dikeluarkan jika sekiranya penambahan bangunan sementara dibuat tanpa kebenaran PBT TPHTK.

## **14.0 TUNTUTAN WANG DEPOSIT PEMBINAAN**

- 14.1** Wang deposit boleh dituntut oleh pemohon setelah bangunan sementara tersebut tidak diperlukan lagi dengan mengemukakan perkara-perkara berikut :-
  - a. Isi borang permohonan yang disediakan oleh PBT TPHTK.
  - b. Kembalikan resit deposit asal yang dikeluarkan oleh PBT TPHTK.
  - c. Satu salinan kad pengenalan pemohon.
  - d. Isi borang Electronic Fund Transfer (EFT) yang disediakan bagi memudahkan bayaran terus ke akaun bank pemohon.
- 14.2** Lawatan dan laporan pemeriksaan akan dibuat oleh kakitangan PBT TPHTK bagi memastikan bangunan sementara telah dirobuhkan dan tapak telah dibersihkan sebelum bayaran balik deposit dibuat .
- 14.3** Surat akan dikeluarkan jika sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada syarat-syarat kelulusan atau penyimpangan dari pelan kelulusan untuk di ambil tindakan oleh pemohon dalam tempoh 30 hari.